

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1- LATAR BELAKANG MASALAH

Negeri Kedah sememangnya terkenal dengan berbagai keistimewaan sejarahnya yang hebat menelusuri zaman berzaman daripada cerita lagenda sumpah Mahsuri yang mati dibunuh kerana difitnah, mengalirkan darah putih, akhirnya Langkawi disumpah menjadi padang jarak padang terkukur selama tujuh keturunan. Menelusuri zamannya juga Kedah terpaksa berhempas pulas untuk mempertahankan kedaulatannya daripada ancaman Siam dan juga ancaman British yang akhirnya Kedah terpaksa dan dipaksa melepaskan Pulau Pinang(1786M), Seberang Perai (1800M), Perlis dan Setol yang merupakan sebahagian wilayahnya yang dirampas dan dipisahkan daripada kuasa politiknya<sup>1</sup>. Tidak dapat dinafikan atau disangkal lagi oleh mana-mana juga ahli sejarahwan, bahawa negeri Kedah juga adalah sebagai salah satu di antara kuasa pusat perdagangan serta pelabuhan yang aktif semasa zamannya pada kurun ke-16/17-20M<sup>2</sup>. Di sepanjang sejarahnya sejak zaman-berzaman yang mencatatkan bahawa negeri Kedah adalah sebuah tempat persinggahan, pelabuhan dan negeri yang kaya dengan hasil mahsulnya. Menurut catatan ahli pengembara sejarah China seperti I-Ching, menyatakan Kedah ataupun dikenali juga dengan gelaran panggilan Chia-cia di kalangan pedagang-pedagang China pada satu ketika oleh para pedagang yang sentiasa datang memperdagangkan hasil mahsul mereka ke negeri Kedah<sup>3</sup>.

---

<sup>1</sup> Dokumentasi Konvensyen Sejarah Negeri Kedah Darulaman (1991), c.1, Kedah :Lembaga Muzium Negeri Kedah Darulaman Alor Setar, h.10

<sup>2</sup> *Ibid*, h.23

<sup>3</sup> *Ibid*

Dan negeri Kedah adalah pasti secara langsungnya terlibat sebagai tempat persinggahan, sebagai pelabuhan, pusat perdagangan dan pemerintahan yang masyhur pada saat kegemilangannya di persada antarabangsa pada satu ketika.

Para pedagang yang datang ke negeri Kedah pada abad ke7-16M samada yang datang dari Negara Arab, India, Parsi, China atau sebagainya telah mengenali negeri Kedah sebagai salah sebuah pusat pelabuhan, pusat perdagangan serta menjadi pelabuhan yang aktif di Asia Tenggara<sup>4</sup>. Namun begitu apa yang lebih menarik tentang negeri Kedah ialah tidak dinafikan dalam sejarah, Kedah telah merakamkan bahawa ia juga telah muncul dan terlibat seiring serta sejajar dengan kebangkitan para pendakwah serta kebangkitan para ulama demi kelangsungan dan juga kemajuan negeri Kedah dalam pembangunan jasmani, spiritual dan juga material sebagai pusat penyebaran agama Islam dan pusat perkembangan agama Islam.<sup>5</sup>

Sejarah negeri Kedah juga telah menyatakan dengan jelas bahawa pada peringkat permulaannya negeri Kedah dipengaruhi oleh metodologi dakwah dan gerakan agama Hindu<sup>6</sup>. Namun begitu Kedah juga tidak terkecuali terkena tempiasnya dengan gerakan dakwah agama Islam yang digerakkan oleh gerakan dakwah para ulama secara besar-besaran di seluruh dunia khususnya dari Arab, China, India dan Parsi<sup>7</sup>.

---

<sup>4</sup> *Ibid*, h.34-35

<sup>5</sup> Berita Harian, November 16, 2009, "Kedah Sebagai Pusat Penyebaran Agama Islam", h. 32.

<sup>6</sup> Muhammad Hassan Dato' Kerani Mohd Arshad, 1968, *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, c.1, Kuala Lumpur : DBP, h. 3.

<sup>7</sup> Biografi Ulama Kedah Darulaman (1996), Kedah: Lembaga Muzium Negeri Kedah Darulaman, j. 1, c. 1, h. 2-3.

Perkara ini telah diceritakan oleh sejarawan dan juga para ilmuan Islam pada kurun-kurun yang terkemudian melalui naskhah-naskhah, buku-buku, majalah, buku-buku sejarah seperti al-Tarikh Salasilah, sejarah negeri Kedah dan sebagainya.

Maka kita juga dapat melihat negeri Kedah telah menunjukkan perkembangan agama Islam dengan begitu hebat dan begitu pesat sekali apabila banyak pusat-pusat pendidikan Islam telah didirikan dan dibina serta dikembangkan seperti surau, munasah, pondok<sup>8</sup>, sekolah, madrasah, institusi pendidikan tinggi, dan sebagainya lagi sehingga kini.

Pada masa yang sama juga kita dapat melihat bahawa akibat daripada perkembangan Islam di negeri Kedah, maka lahirlah ramai tokoh ulama tempatan dan luar negara yang menambahkan lagi rencah keagresifan serta keaktifan untuk menggerakkan dan juga untuk memperkembangkan lagi agama Islam di Kedah. Apabila agama Islam bertapak di Nusantara, maka penyebaran agama Islam sampai juga ke negeri Kedah. Ini dapat dibuktikan dengan batu nisan yang ditemui di Minya Tujuh Aceh pada tahun 781Hijrah (1380M) yang mencatatkan nama seorang raja yang beragama Islam di Pasai dan disebut nama Kedah dengan begitu jelas. Ditemui juga artifak yang ditulis dengan tulisan jawi bernama Ibnu Sirdhan pada tahun 214 Hijrah. Seterusnya Sultan Kedah pada ketika itu Maharaja Derbar Raja telah menukarkan namanya kepada Sultan Muzaffar Syah apabila telah diislamkan oleh seorang ulama dari Yaman iaitu Syeikh Abdullah Yamani.<sup>9</sup>

---

<sup>8</sup> Musthapha Hj. Daud, (Seminar Kedah 100 Tahun (1) di Universiti Utara Malaysia, 20-21 Ogos 2000), h. 4.

<sup>9</sup> Biografi Ulama Kedah Darul Aman, (1996), j. 1, c. 1 Kedah: Lembaga Muzium Negeri Kedah Darul Aman, h. 3-4.

Batu nisan Minye Tujuh Aceh yang tertera nama Kedah



Sumber : Bulan Ini Dalam sejarah, Buletin Kedah, WD Mac 1990.

Dicatatkan juga di dalam sebuah buku yang bertajuk Biografi Ulama Kedah bahawa, terdapat 20 orang ulama yang lahir di Kedah dan telah menyumbangkan pemikiran mereka untuk pembangunan Islam di negeri Kedah seperti Haji Ishak Bin Mohamad Hasyim,<sup>10</sup> Tok Syeikh Jarum Derga,<sup>11</sup> Tuan Mat Salleh Kelonghoi,<sup>12</sup> Haji Hussain Bin Hassan,<sup>13</sup> Haji Omar Merbok,<sup>14</sup> Tuan Hussain Kedah,<sup>15</sup> Haji Yaakob Bin Haji Ahmad,<sup>16</sup>

---

<sup>10</sup> Beliau dilahirkan 1771-1871M di kampung Padang Panjang, Kota Sena, Jitra, Kedah. Beliau mengasaskan pusat pendidikan pondok di kampung Pulau Pisang Tunjang, Jitra, Kedah pada zaman pemerintahan Tunku Anom memerintah negeri Kubang Pasu Darul Qiyam. Pondoknya kini berusia 150 tahun dan masih lagi ada kesan peninggalannya sehingga kini. Beliau meninggal pada tahun 1871M dan disemadikan di tanah perkuburan Masjid Kampung Pulau Pisang.

<sup>11</sup> Nama penuhnya adalah Haji Wan Muhammad Idris bin Haji Jamal. Beliau dilahirkan pada tahun 1849M. beliau berasal dari Patani. Beliau dilahirkan di kampung Bendang, daerah Jaha dalam Wilayah Yala. Ayahnya Haji Wan Jamal bukanlah seorang ulama tetapi terkenal sebagai hulubalang yang pernah berkhidmat dengan kerajaan Patani, sementara saudara kepada Haji Wan Jamal pula bernama Wan Abdul Samad pernah menjadi hulubalang diraja Kelantan. Gelaran “Jarum” di hujung namanya dikatakan berpunca daripada peristiwa beliau memberikan pendapat kepada Raja Patani dengan cepat dan tepat. Dikatakan beliau adalah berketurunan dari Hadramaut Yaman. Beliau telah mengasaskan pusat pendidikan pondok di Derga dan masih ada lagi kesannya sehingga kini. Beliau meninggal pada 6 April 1911 dan disemadikan di tanah perkuburan Derga.

<sup>12</sup> Nama penuhnya adalah Tuan Haji Mat Salleh bin Ishak yang berasal dari Kampung Laut negeri Kelantan pada tahun 1850M. Beliau telah mengasaskan pusat pendidikan pondok di Kelonghoi Kuala Kedah setelah berhijrah mengikut abangnya Haji Hussain sekembalinya dari Mekah. Beliau pernah berguru dengan Tuan Tabal, Haji Wan Ali Kutan, Haji Yaakub Tuan Padang, Haji Nik Wan Daud Mufti Kelantan dan Tuan Haji Wan Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani di Masjid al-Haram, Mekah. Beliau meninggal pada tahun 1929 dan disemadikan di tanah perkuburan Kampung Telok Layang.

<sup>13</sup> Haji Hussain bin Hasan dilahirkan pada tahun 1852M di Kampung Naga, Mukim Naga, Kepala Batas, Jitra, Kedah. Beliau telah menuntut ilmu di Patani dan mengasaskan sebuah pusat pendidikan pondok Dar al-Saadah di Titi Besi, Kepala Batas, Kedah pada tahun 1908. Pondok yang diasaskan oleh beliau masih kekal wujud sehingga ke hari ini. Beliau meninggal pada tahun 1932.

<sup>14</sup> Nama penuhnya Haji Omar bin Haji Muhammad Amin. Beliau dilahirkan di Kampung Kangkung, Simpang Empat, Alor Setar, Kedah pada tahun 1858M. Susur galur keturunannya dikatakan berasal dari Yaman. Beliau memulakan pendidikan di kampung halamannya sendiri, kemudian belajar pondok di negeri Terengganu seterusnya menyambung pengajiannya di Mekah. Beliau telah mengasaskan sistem pengajian pondok yang diberi nama Madrasah Bukit Haji Omar. Kini Madrasah itu dikenali sebagai Yayasan Pengajian Islam Merbok atau YAPIM. Beliau meninggal pada tahun 1938 dan disemadikan di tanah perkuburan Ma’ala, Mekah.

<sup>15</sup> Beliau lahir pada 2 November 1863M di Titi Gajah Alor Setar. Beliau lahir dalam keluarga yang berpegang kuat dengan agama Islam. Beliau adalah generasi keturunan ke-6 daripada ulama besar Nusantara Syeikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari, pengarang kitab “Sabil al-Muhtadin”, yang bertitisan dari Sultan Muhammad Aminullah Negeri Mertapura, Banjar. Datuknya Haji Muhammad Taib bin Haji Mas’ud ialah salah seorang ulama besar negeri Kedah pada zaman Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Syah(1854-1879M). Beliau telah mengarang 18 buah kitab ketika hayatnya dan menggunakan nama Hussain Nasir Ibni Muhammad Taib. Beliau pernah berguru dengan Tuan Syeikh Hasbullah, Tuan Syeikh Nawawi Bentan, Tuan Syeikh Ahmad Lingga, Tuan Syeikh Umar Sumbawa, Tuan Syeikh Umar Bali dan Tuan Syeikh Muhammad Khafat. Di antara sahabat-sahabat akrab beliau ialah Tok Kenali Kelantan, Haji Wan Sulaiman Sidik Kedah dan Tuan Haji Yaakub Sik Kedah. Beliau telah mengasaskan pondok Bohor Kedah, pondok Bagan Ulu(sekarang dikenali dengan nama Pantai Merdeka), pondok Selengkoh Sungai Limau Perak, pondok Padang Lumat Kedah dan pondok Pokok Sena Seberang Perai Pulau Pinang. Diantara anak murid beliau ialah Mursyid diraja Kedah, Dato’ Haji Abdul Rahman bin Haji Abdullah, Tuan guru Haji Ismail Sulaiman Merbok

Haji Ahmad Tampong,<sup>17</sup> Haji Mohamad Salleh Bin Mohamad Hasyim,<sup>18</sup> Haji Mohamad Salleh Bin Haji Idris,<sup>19</sup> Haji Mohamad Arif Bin Haji Ishak,<sup>20</sup> Haji Wan Sulaiman Bin Haji Wan Sidek,<sup>21</sup> Haji Mohd Said Yan,<sup>22</sup> Haji Sulong Bin Haji Chik,<sup>23</sup> Haji Ismail Bin Che

---

dan Haji Ghazali bin haji Arsyad iaitu pengasas pondok Batu 22, Bagan Datoh, Perak. Beliau meninggal pada 10 Februari 1936 dan disemadikan di tanah perkuburan Titi Gajah. Institusi pondok yang diasaskannya masih hidup dan kekal hingga sekarang ini.

<sup>16</sup> Beliau dilahirkan di kampung Surau Mukim Pedu, Kuala Nerang, Kedah. Beliau mendapat didikan awal melalui ayahnya Haji Ahmad Lebai Saleh. Kemudian beliau berhijrah ke Mekah dan berguru dengan Syeikh Abdul Qadir, Syeikh Ali Maliki dan Syeikh Abdullah Zawawi. Sekembalinya ke Kedah beliau membuka pondok di Batu Menunggul, Pendang, Kedah dan juga pondok Bendang, Kuala Nerang, Kedah. Beliau juga adalah seorang Kadi pada tahun 1911-1940. Beliau meninggal dalam usia 80 tahun dan dikebumikan di tanah perkuburan Kuala Nerang, Kedah.

<sup>17</sup> Nama sebenarnya adalah Haji Muhammad bin Haji Othman. Beliau lahir dikampung Kuala Kangkung, Simpang Empat, Alor Setar, Kedah. Beliau mendapat pendidikan awalnya di pondok Langgar, Kedah dan Mekah. Beliau mengasaskan pondok Saadatun al-Darain, Merbok, Kedah. Beliau meninggal dunia pada 17 April 1945.

<sup>18</sup> Beliau adalah seorang ulama terkenal bukan sahaja di Kedah bahkan sehingga rantau Indonesia. Beliau seorang ulama yang berjaya mengimbangi pembangunan kerohanian, ekonomi, politik dan juga intelektual. Beliau dilahirkan di kampung Pulau Pisang, Mukim Tunjang, Jitra, Kedah pada tahun 1864M. Beliau merupakan cucu kepada ulama terkenal Kedah iaitu Haji Ishak bin Muhammad Hasyim yang merupakan pengasas pondok Pulau Pisang. Beliau meninggal pada tahun 1944 setelah berbakti 50 tahun kepada agama, masyarakat dan Negara dengan jayanya.

<sup>19</sup> Beliau adalah seorang ulama yang gigih dalam membangunkan usaha dakwah Islam di Kedah bahkan beliau terkenal dalam lapangan pertukangan besi, kayu serta kedukunan. Beliau juga terkenal dengan panggilan "Tok ayah Lubuk Kawah". Beliau dilahirkan pada tahun 1870M di Kampung Bendang Badang, Patani. Beliau pernah berguru dengan Tok Syeikh Jarum Derga, Syeikh Abdullah Singgora Mekah, Tok Ku Syed, pondok Paloh Terengganu. Beliau telah mengasaskan pondok Sungai Korok, Alor Changleh, Jitra, Kedah dan pondok Lubuk Kawah, Jitra, Kedah. Beliau meninggal pada tahun 1943 apabila tentera Jepun telah mendarat di Kedah.

<sup>20</sup> Beliau dilahirkan di Kampung Sungai Nonang, Mukim Tebengau, daerah Kota Setar, Kedah pada tahun 1871M. Beliau berketurunan Indonesia kerana ayahnya adalah berasal dari Surabaya, Indonesia. Beliau juga adalah merupakan ahli falak yang terkenal di negeri Kedah. Beliau membuka pondok di Ayer Puteh, Pendang, Kedah dan juga pondok di Titi Serong. Di antara anak murid yang pernah lahir daripada pendidikan pondok beliau ialah bekas penasihat agama kepada Perdana Menteri Malaysia Tan Sri Dr. Abdul Hamid Othman, Haji Ahmad Badawi dan ramai lagi. Beliau meninggal pada tahun 1941. Mengenang jasa beliau maka diabadikanlah nama beliau kepada sebuah sekolah di situ dengan nama, Sekolah Kebangsaan Haji Muhammad Arif di Kampung Ayer Puteh.

<sup>21</sup> Haji Wan Sulaiman bin Wan Sidek dilahirkan pada tahun 1874 di sebuah desa pedalaman iaitu Kampung Pulau Tengah dalam Mukim Padang Kerbau, Daerah Kota Setar. Haji Wan Sulaiman bertolak ke Mekah dengan dibiayai oleh ibu dan saudara-saudaranya pada tahun 1887. Selama 17 tahun berada di Mekah, Haji Wan Sulaiman berjaya menguasai pelbagai bidang ilmu agama Islam termasuklah bahasa Arab, Nahu, Saraf, Hadis, pembacaan dan pengkajian al-Quran dan ilmu Falakiah. Dalam masa tiga tahun terakhir, beliau memberikan tumpuan sepenuhnya terhadap Ilmu Tarekat Naksyabandiyah Mujaddiyah Ahmadiyah. Daripada gurunya iaitu Tuan Sheikh Fakir Muhammad al-Bukhari, Haji Wan Sulaiman ditauliahkan Khalifah Tarekat yang ke-34. Pada awal tahun 1906, Kerajaan Kedah melantiknya bertugas sebagai Kadi yang kemudiannya menjawat jawatan Kadi Besar dalam tahun 1910. Bidang kerjayanya semakin bersinar apabila beliau dilantik selaku Syeikhul Islam Kedah menggantikan Sheikh Muhammad Khayat pada tahun 1920. Dalam bidang pendidikan, beliau berusaha memperbaiki kaedah pengajaran al-Quran yang ketika itu, dasingkan daripada matapelajaran lain di sekolah Melayu. Kaedah baru yang disusun oleh beliau telah diterima oleh pihak kerajaan Kedah dan ini membolehkan kanak-kanak menamatkan pengajian al-Quran dalam masa yang

Abu,<sup>24</sup> Haji Salleh Masri,<sup>25</sup> Haji Abdul Ghani Bin Haji Awang,<sup>26</sup> Haji Wan Ibrahim Bin Wan Abdul Kadir<sup>27</sup> dan Syeikh Ismail Bin Haji Mohd Salleh.<sup>28</sup>

---

singkat. Beliau juga menubuhkan sebuah sekolah agama moden pada tahun 1916 yang diberi nama "Madrasah al-Hamidiah" mengambil sempena nama Sultan Abdul Hamid Halim Syah. Madrasah al-Hamidiah yang lebih dikenali sebagai Madrasah Pak Wan Sulaiman atau Sekolah Arab Limbong Kapal itu telah berjaya melahirkan ramai pelajar yang berkelulusan dalam pelbagai bidang seperti menjadi pentadbir, kadi, guru dan pemimpin masyarakat. Antara tokoh-tokoh terkenal termasuklah Dato' Sheikh Abdul Majid bin Mohd. Noor iaitu bekas Pengetua Maktab Mahmud dan Yang Dipertua Majlis Hal Ehwal Islam Kedah; Allahyarham Sheikh Saad bin Said, Pengasas Sekolah al-Tarbiatul-al-Islamiah dan bekas Kadi Besar Kedah dan Allahyarham Sheikh Salleh bin Shamsuddin, Guru Maktab Mahmud. Haji Wan Sulaiman bersama dengan Tunku Mahmud kemudiannya merancang untuk menubuhkan sebuah sekolah menengah agama yang lebih tinggi pengajiannya. "al-Ma'ahad al-Mahmud" atau Maktab Mahmud yang terletak di Simpang Kuala, Alor Star telah dibina pada 16 Jun 1936 iaitu setelah setahun kematian Haji Wan Sulaiman. Haji Wan Sulaiman meninggal di rumahnya di Limbong Kapal pada 28 Muharam 1354 bersamaan 2 Mei 1935 iaitu dalam usia 61 tahun.

<sup>22</sup> Nama penuhnya adalah Tuan Haji Muhammad Said bin Penghulu Muhammad Taib, dilahirkan di Anak Bukit, Alor Setar, Kedah pada tahun 1877M. Beliau mula mendapat pendidikan awalnya di pondok Haji Mat Tamin Anak Bukit. Kemudiannya beliau menyambung pengajiannya di pondok al-Hamidiyyah Limbong Kapal. Beliau juga dikenali sebagai Tabib Muhammad Said Yan di kalangan masyarakat ketika itu. Di antara kitab karangannya: Anak Kunci, Buah Putik Bagi Kanak-kanak Pada Permulaan Tumbuhnya, Adabul Katib, Punca Kesukaan, An-Nashihah Asy-Syabaniyah, Majalah Nun, Ath-Thabib. Tuan Haji Muhammad Said meninggal dunia di Titi Bakong, Yan, Kedah pada tahun 1382 Hijrah/1962 Masihi dalam usia 85 tahun dan selamat dikebumikan di tanah perkuburan Yan, Kedah.

<sup>23</sup> Beliau dilahirkan di Langkat Sumatera pada tahun 1879M. Ayahnya berasal dari Bukit Kechik, Guar Kepayang, Pendang, Kedah. Beliau telah mengasaskan sebuah pusat pengajian di Cemara, Jeniang Kedah. Beliau telah mengarang banyak buah kitab ketika hayatnya. Di antara anak murid beliau ialah Tuan Guru Haji Yahya Junid (Pengasas pondok Padang Lumat), Haji Omar Lanai (pengasas pondok Lanai, Baling, Kedah) dan ramai lagi. Beliau meninggal di Jeniang pada tahun 1966.

<sup>24</sup> Beliau dilahirkan di Kampung Besut, Terengganu dalam tahun 1880M. Pada tahun 1898 beliau keluar merantau menuntut ilmu di Madrasah Kampung Gajah Mati, Pendang Kedah. Ketika itu Tuan Guru Haji Hussain Che' Dol adalah "Tok Guru" di Madrasah tersebut. Kemudian beliau menimba ilmu ke Mekah dan berguru di sana. Sekembalinya beliau ke Tanah Melayu, beliau tidak pulang ke kampung halamannya, beliau terus ke Kedah. Beliau telah mengasaskan sebuah Madrasah iaitu Madrasah al-Rahmaniah, di Kampung Bujang, Merbuk, Kedah. Murid-muridnya terdiri daripada anak-anak Kedah, Perak, Kelantan dan juga Indonesia. Beliau menguasai ilmu-ilmu akhirat dan juga ilmu dunia seperti perubatan, pertukangan dan persilatan. Beliau meninggal selepas perang dunia kedua iaitu pada tahun 1946 dan disemadikan di tanah perkuburan Kampung Bujang.

<sup>25</sup> Nama sebenar beliau ialah Haji Salleh bin Haji Abdullah. Beliau adalah seorang ulama terkenal sebelum kemerdekaan. Beliau dilahirkan pada tahun 1887M di Kampung Alor Ibus, Kedah. Beliau menyebarkan ilmu agamanya di Telok Kechai, Kuala Kedah, Kedah. Beliau lahir di dalam keluarga yang kuat berpegang dengan agama Islam. Beliau menimba ilmu daripada ulama Mekah, Iraq, Jordan, Syria dan juga Mesir. Beliau telah membuka pondok di Telok Kechai pada tahun 1923. Beliau meninggal pada 23 Februari 1957.

<sup>26</sup> Beliau berasal dari Kampung Telok Manak, Patani, Thailand. Mereka berhijrah ke Kedah pada tahun 1882M. mereka berhijrah ke Kedah kerana tidak tahan dengan kezaliman yang berlaku pada waktu itu. Mereka berhijrah ke Kedah dan tinggal di satu tempat yang bernama Kampung Kubang Siam, kira-kira enam batu dari Alor Setar. Beliau pada awalnya mendapat pendidikan daripada bapa saudaranya sendiri Haji Adam. Kemudian beliau sentiasa berulang-alik ke Patani belajar dengan Tok Ayah Bermin, Patani. Beliau juga belajar dengan Tuan Guru Haji Muhammad Saad iaitu pengasas pondok Kubang bongor. Beliau kemudiannya belajar bersama Tok Sayid di Terengganu. Beliau kemudiannya menyambung pengajiannya di Mekah dan menimba ilmu dengan beberapa orang guru diantaranya Syeikh Daud bin Mustaffa al-Fathani, Haji Abdullah Senggora al-Hafiz, Haji Yahya Reman, Tuan Omar Sembawa dan Tuan Khatib Syarbani. Beliau telah membuka sebuah pondok di Tandop, Alor Setar, Kedah pada tahun 1925. Beliau juga merupakan seorang

---

Kadi di Daerah Kulim iaitu pada tahun 1927. Beliau telah kembali ke rahmatullah pada 24 Januari 1951. Beliau sempat mengarang tiga buah kitab, tetapi hanya sebuah kitab sahaja yang dapat dikesan iaitu kitab *Qurratu al-Ain*.

<sup>27</sup> Haji Wan Ibrahim lahir pada tahun 1894 di Bendang Daya, Patani. Beliau adalah adik kepada Pak Da Ail Patani, seorang guru di Mekah yang termasyhur. Oleh kerana abangnya digelar Pak Da, maka beliau diberi gelaran Pak Cu Him. Sejak kecil, beliau dididik oleh ayahnya mengikut cara Islam yang dipelajarinya. Kemudian, beliau dihantar belajar agama di Bermin, Patani. Pada tahun 1912, Beliau fasih berbahasa Arab disebabkan sejak kecil lagi tinggal di Mekah. Kebolehan beliau yang istimewa ialah mengarang syair Arab di mana beliau berjaya mengarang sebuah buku *Qawaid al-Fiqhiah* dalam bentuk syair dengan tulisan tangan. Kebolehan Pak Cu Him telah mendapat pengiktirafan dan diberi tauliah untuk mengajar agama di Masjid al-Haram selama beberapa tahun. Pak Cu Him tinggal di Mekah selama 12 tahun dan menemui guru-guru termasyhur di sana yang di antaranya ialah Sahibul Fadzilah Syeikh Yahaya Patani, Sahibul Fadzilah Tok Ramli, Sahibul Fadzilah Syeikh Muhammad Ali Maliki dan Sahibul Fadzilah Syeikh Muhammad Mukhtar al-Jawi. Setelah pulang ke tanahair, Pak Cu Him telah mengambil alih pondok mertuanya, Haji Ismail Che' Dol di Gajah Mati setelah berkahwin dengan anak gadisnya yang bernama Hajah pada tahun 1926. Pada 14 November 1931, Syeikhul Islam Negeri Kedah iaitu Haji Wan Sulaiman bin Wan Sidek mengeluarkan tauliah kepada Pak Cu Him untuk mengajar agama dalam negeri Kedah Darul Aman. Pondok Gajah Mati di bawah pimpinan beliau mendapat sambutan ramai dan didatangi penuntut-penuntut dari Jambi, Mendiling, Patani, Kelantan, Negeri Sembilan, Johor, Perak dan penuntut dari Kedah sendiri. Pada zaman puncaknya, pondoknya pernah mencapai angka 500 orang penuntut. Pak Cu Him juga sempat mengarang kitab "*Fathul Jalil Wa Syifa Ghalil*" yang siap pada 30 Jun 1966. Dalam karya ini beliau menggubah 51 bait syair Arab dan membuat ulasan atau syarah kepada tiap-tiap bait itu dalam Bahasa Melayu. Kitab ini membicarakan antara lain tentang sifat mustahil Allah Taala iaitu qadim atau baharu. Selain karya yang diterbitkan ini, banyak catatan Pak Cu Him di dalam bahasa Melayu dan Arab mengenai fatwa-fatwa agama dan juga khutbah-khutbah yang ditinggalkan tanpa dicetak. Terdapat syair-syair Arab dan penjelasan-penjelasan mengenai Nahu Arab disusun dengan tertib dalam simpanannya. Sahibul Fadzilah Haji Wan Ibrahim bin Haji Wan Abdul Kadir menghembuskan nafasnya yang terakhir pada 11 Syawal 1388 H bersamaan 11 Januari 1968 ketika berumur 75 tahun. Jenazahnya diabadikan di perkuburan masjid lama Kampung Gajah Mati berhampiran kubur Tok Ayah Haji Ismail Che' Dol.

<sup>28</sup> Syeikh Ismail dilahirkan pada 17 Syaaban 1311H. Beliau merupakan anak kepada Haji Muhammad Salleh bin Haji Hashim juga cicit kepada Haji Ishak, pengasas pondok Pulau Pisang dan Kadi Besar Negeri Kubang Pasu semasa pemerintahan Tunku Anom. Beliau mendapat pendidikan awal daripada bapanya di Pondok Pulau Pisang. Pada tahun 1330H, beliau berangkat ke Mekah bersama ayahnya untuk menyambung pelajaran di Masjid al-Haram. Setelah tamat, beliau menyambung lagi pengajiannya di Universiti al-Azhar, Mesir selama lima tahun mulai 1346H hingga 1351H dan berjaya mendapat ijazah Aliah. Gurunya ialah Syeikh Abdul Wasif dan Syeikh Ali Maliki. Semasa menuntut di Timur Tengah, Syeikh Ismail mengambil peluang melawat Palestin dan kemudian kembali ke Mekah lagi pada tahun 1352H. Apabila pulang ke tanahair pada tahun 1353H, beliau diminta oleh Haji Muhammad Salleh mengajar di Pondok Pulau Pisang dan sebagai tenaga pengajar kanan bersama Dr. Burhanuddin Helmi. Pondok Pulau Pisang ketika itu berada di puncak kemasyhuran hingga ke rantau Indonesia dengan jumlah pelajar antara 800 ke 1000 orang. Namun, tugas Syeikh Ismail di situ tidak lama apabila beliau dilantik sebagai Pemeriksa Sekolah-sekolah Agama Negeri Kedah oleh Duli Yang Teramat Mulia Tunku Mahmud ibni Almarhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Syah. Sepanjang tugas itu, beliau berusaha memajukan sistem persekolahan agama yang masih menjadi ikutan dan panduan pada masa kini. Beliau banyak menghasilkan kitab berkaitan dengan sistem dan peraturan persekolahan agama waktu itu. Malangnya, kebanyakan kitab yang berguna itu hilang dan hanya dua buah sahaja yang ditemui iaitu *Hidayat al-Nufus* dan *Tarbiyat-al-Auladiyah*. Kitab *Hidayat Nufus* berkaitan doa-doa dalam sembahyang, dihimpun dan dihuraikan secara terperinci dari segi kaedah amalannya di samping menerangkan manfaat kepada umat Islam menurut sunnah Nabi Muhammad s.a.w. Sementara *Kitab Tarbiyah Auladiyah* pula menerangkan kebaikan Islam sebagai satu cara hidup ke arah kebahagiaan dunia dan akhirat. Menjelang tahun 1356 H, Syeikh Ismail dilantik sebagai Kadi Besar Negeri Kedah selama dua tahun sahaja. Beliau berjaya memberi sumbangan besar ke arah perkembangan Islam. Walaupun sibuk dengan jawatan itu, beliau masih sempat melawat dan mengajar di pondok Pulau Pisang yang sedang ditadbir oleh bapanya, Haji Muhammad Salleh. Beliau turut memberi sumbangan fikiran, tenaga dan modal untuk meningkatkan taraf pondok itu sebagai pusat pendidikan. Syeikh Ismail bertanggungjawab memberi nama kepada pondok itu




Oleh itu, peranan ulama pada ketika itu adalah merupakan kesinambungan ulama dari dahulu sehinggalah pada zaman sekarang ini. Justeru itu peranan ulama adalah untuk membangunkan pembangunan Islam khususnya di negeri Kedah, maka tidak dilupakan peranan yang dimainkan oleh Dato Syeikh Abdul Halim bin Haji Othman (1910-1997M) yang merupakan salah seorang tokoh pemikir Islam, yang sememangnya sudah diperkatakan serta sudah diiktiraf beliau sebagai salah seorang “Tokoh Ulama di negeri Kedah 1910-an hingga 1940-an” dengan visi dan misinya dalam membangunkan serta mengembangkan lanskap dakwah Islam di negeri Kedah.<sup>29</sup>

---

sebagai Madrasah Ishakiah dan serentak dengan itu kaedah pendidikan tradisional dikemaskinikan mengikut sistem pengajaran moden ketika itu. Pada tahun 1358H, Syeikh Ismail menjadi Pengerusi Majmak Syeikhul Islam Negeri Kedah hingga 23 Syawal 1364H. Peranan utamanya sepanjang memegang jawatan itu ialah berusaha menjayakan penubuhan Jabatan Zakat Negeri bertujuan mengumpul dan membahagikan kutipan zakat kepada golongan asnaf yang lapan. Jabatan Zakat Negeri ditubuhkan atas kehendak dan titah Duli Yang Teramat Mulia Tunku Mahmud Ibni Almarhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Syah. Untuk menjayakan penubuhan jabatan itu, satu rang undang-undang berhubung dengan penubuhannya, cara-cara kutipan dan agihan telah disusun oleh Syeikh Ismail untuk melicinkan perjalanan sesuai dengan syiar Islam bersama dua orang lagi ulama iaitu Haji Yaakob Haji Ahmad (Yaakob Puteh) Kadi Daerah Kota Setar dan Haji Abdul Ghani Haji Awang, Kadi Besar Negeri Kedah. Selama tiga tahun lapan bulan. Apabila tentera Jepun memerintah Tanah Melayu, Syeikh Ismail sentiasa berusaha agar kedaulatan Islam tidak tercemar. Beliau cuba mempengaruhi Jepun supaya melindungi kesucian agama Islam dengan menyuarakannya dalam satu persidangan wakil-wakil pertubuhan Islam Tanah Melayu pada 5 April 1943 di Singapura. Sebagai ulama dan nasionalis, beliau juga salah seorang yang terbabit mempengaruhi Jepun mengembalikan kedudukan, kekuasaan dan kedaulatan Raja-raja Melayu. Pada 21 Januari 1943 Syeikh Ismail menjadi wakil raja di suatu mesyuarat antara Jepun dengan wakil Raja-raja Melayu dan Sumatera di Singapura. Pada kesempatan inilah beliau mencurahkan isi hati agar orang-orang Melayu dilindungi dan kedaulatan Raja-rajanya dikembalikan sebagai simbol perpaduan. Syeikh Ismail meninggal dunia pada 23 Syawal 1364H dalam usia 53 tahun iaitu setahun selepas Haii Muhammad Salleh meninggal. Jenazahnya dikebumikan di perkuburan Masjid Pulau Pisang berhampiran kubur ayah dan nendanya. Setelah beliau pulang ke rahmatullah, nadi keunggulan pondok itu sebagai pusat ilmiah Islam diteruskan oleh adiknya, Tuan Haji Kassim.

<sup>29</sup> Tuan Haji Mohd Salehuddin Abdul Ghani (1998), Ulama Kedah 1910-an-1940-an, “Kemasukan Islam Ke Kedah”, (Dokumentasi Konvensyen Sejarah Negeri Kedah Darul Aman 11, Universiti Sains Malaysia 1998), c. 1, h. 140-142.

1.1 Negeri Kedah



Sumber : Kedah 1771-1821, The Search For Security and Independence, OXFORD UNIVERSITY PRESS LONDON NEW YORK

Ahli-ahli sejarah telah mengiktiraf negeri Kedah sebagai kuasa perdagangan yang mempunyai pelabuhannya yang masyhur bermula dengan Sungai Merbuk, Sungai Kuala Muda dan Sungai Kuala Kedah yang mana Gunung Jerai sebagai penunjuk utama mereka, bertumpu ke kawasan Merbuk dan Sungai Emas untuk tujuan perdagangan ataupun bahasa modennya disebut sebagai aktiviti impot eksport.<sup>30</sup>

Kedah sudah dikenali dengan pelbagai nama semenjak awal kurun ke-4M lagi terutamanya di kalangan para pedagang Asia Barat-Arab, Parsi dan India. Antaranya mereka menyebut Kedah dengan nama panggilan seperti Kataha, Kadaha, Kalagam, Qalha, Kadaram, Qilah, dan sebagainya.<sup>31</sup> Pedagang-pedagang India telah memuatkan cerita-cerita mengenai negeri Kedah terutamanya dalam karya-karya kesusasteraan mereka seperti “Khatarasit Segara” dan “Pattinapalai”. Malah pedagang-pedagang dari India telah menggelarkan Kedah sebagai “Suvarna Bhumi” ataupun sebagai “Semenanjung Emas”.<sup>32</sup>

Prof. Hamka ataupun dikenali sebagai Buya Hamka telah menyebut di dalam bukunya yang bertajuk “Sejarah Umat Islam” bahawa di dalam penyelidikan ahli sejarah terdapat kerajaan yang diberi nama Langkasuka ataupun Kataha yang dikatakan berdiri di Semenanjung yang kini dipanggil negeri Kedah.<sup>33</sup>

---

<sup>30</sup> Wan Shamsuddin Bin Mohd Yusof (t.t), “Sejarah Islam di Kedah : Hubungan dan Peranan Kesultanan Kedah Dalam Perkembangannya”, (Seminar Perkembangan Islam Negeri Kedah Darul Aman Sempena Perayaan Sambutan Jubli Emas Pemerintahan 50 Tahun KDYMM Tuanku Sultan Kedah), Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman , h.1.

<sup>31</sup> *Ibid*

<sup>32</sup> *Ibid*

<sup>33</sup> Prof. Dr Hamka, Sejarah Umat Islam (Edisi Baru), Pustaka Nasional Pte Ltd Singapura, c.6, h. 664-665.

Manakala pedagang-pedagang Arab menyebut Kedah sebagai Kalah ataupun Kalah-Bar, ataupun Qadah yang membawa maksud bekas berisi air atau makanan. Diikuti pula Kedah disebut sebagai Kiet-Cha ataupun Cheih-Cha oleh pedagang-pedagang Cina seperti I-Tsing (I-Ching) yang mana beliau pernah mencatatkannya di dalam pengembaraannya<sup>34</sup>.

Dari segi perkembangan sosio ekonomi negeri Kedah, ia adalah merupakan sebuah negeri pengeluar padi yang terbesar di Malaysia bahkan negeri Kedah Darul Aman diberi jolokan sebagai negeri “Jelapang Padi”, akibat daripada penanaman padi yang sesuai dengan keadaan bentuk mukabumi dan tanah subur untuk kegiatan pertanian.

“Negeri Kedah Darul Aman merupakan sebuah negeri yang terkenal sebagai negeri jelapang padi Malaysia dan terletak di lokasi yang strategik di Utara Semenanjung Malaysia serta dikenali sebagai negeri pengeluar beras sejak zaman dahulu lagi di mana pada kurun ke-18M, negeri Kedah pernah mengeksport beras hingga ke Pattani”.<sup>35</sup>

Bagi penduduk negeri Kedah yang hidup di pendalaman mereka bergiat cergas di dalam aktiviti pertanian seperti menanam getah, manakala bagi penduduk yang tinggal di bahagian pesisir pantai pula mereka melibatkan diri dalam sektor perikanan kerana terdapat di situ penempatan Kuala Kedah.

---

<sup>34</sup> Lembaga Muzium Negeri Kedah Darulaman Alor Setar (1991), Dokumentasi Konvensyen Sejarah Negeri Kedah Darulaman, c.1, h.38.

<sup>35</sup>Portal Rasmi Kerajaan Negeri Kedah Darulaman,  
[http://www.kedah.gov.my/kehad/isi.asp?id=1003&mytbl=data1\\_11](http://www.kedah.gov.my/kehad/isi.asp?id=1003&mytbl=data1_11) Disember 2010.

Negeri Kedah pada suatu ketika dahulu merupakan tempat yang didiami oleh manusia yang dipanggil oleh sejarawan sebagai “Hoabinhian”<sup>36</sup>. Kerana mereka telah menjumpai dan mengenalpasti, iaitu peralatan-peralatan purba serta artifak setelah melakukan beberapa kajian dan juga penyelidikan di gua-gua yang terdapat di negeri Kedah, seterusnya mereka telah menjumpai bahan-bahan artifak tersebut seperti kapak, beliung, tembikar tanah, batu pengasah, batu penumbuk, tulang, tengkorak dan sebagainya.

Penyelidikan arkeologi ini telah dijalankan oleh Collings pada tahun 1936M di Gua Debu dan Gua Kelawar yang berpusat di Gunung Baling. Dan Collings telah membuat kesimpulan bahawa artifak- artifak yang telah ditemui itu adalah sezaman dengan zaman manusia Neolitik.<sup>37</sup> Hujah dan juga fakta ini turut disokong oleh beberapa lagi ahli sejarah dan penyelidik seperti Callenfels 1936M, P.S.R Williamns Hunt dan Endicott 1979M.<sup>38</sup>

Oleh yang demikian, dapatlah kita mengetahui bahawa negeri Kedah adalah salah sebuah negeri dan kerajaan yang tertua sekali di Tanah Melayu hasil daripada penemuan-penemuan bukti, fakta dan juga artifak- artifak sejarah hasil daripada kajian serta penyelidikan yang dilakukan. Tidak dapat dinafikan juga bahawa negeri Kedah pada peringkat permulaannya walaupun berbeza panggilan namanya di kalangan pedagang-pedagang Arab, Cina, India, dan juga Parsi. Namun ianya tetap menjurus kepada negeri Kedah yang muncul sebagai kuasa perdagangan yang terpenting di laluan Asia Tenggara.

---

<sup>36</sup> Hoabinhian diperkenalkan dalam tahun 1932 sebagai mengambil tempat nama Hoa Binh di Indochina di mana alat-alat zaman ini mula dijumpai.

<sup>37</sup> Lembaga Muzium Negeri Kedah Darulaman Alor Setar (1991), Dokumentasi Konvensyen Sejarah Negeri Kedah Darulaman, c. 1, h. 21.

<sup>38</sup> *Ibid*

## **2- PENGERTIAN TAJUK**

Penyelidikan ilmiah ini ataupun kajian ini akan cuba menyingkap dan menjelaskan sumbangan dan jasa yang telah diberikan oleh Dato' Syeikh Abdul Halim bin Haji Othman yang mana beliau juga adalah di kalangan alim ulama serta sebagai salah seorang "Tokoh Ulama Negeri Kedah" yang telah menyumbangkan idea dan juga pemikirannya untuk kelangsungan dakwah Islam di Negeri Kedah. Penulis merasakan perlu diberi penjelasan mengenai beberapa perkataan dalam tajuk kajian ini agar pengertian tajuk akan menjadi lebih jelas untuk dibincangkan.

Catatan sejarah negeri Kedah telah merakamkan bahawa ulama ataupun pendakwah dari Yaman khususnya dari Hadramaut, iaitu Syeikh Abdullah Yamani telah mengislamkan raja ataupun sultan Kedah pada waktu itu. Seterusnya masyarakat di negeri Kedah menerima agama Islam sebagai agama rasmi dalam pentadbirannya hinggalah sampai ke hari ini.

Apa yang pasti, sejarah penyebaran dan perkembangan agama Islam di alam Melayu ini telah jelas membuktikan bahawa institusi ulama yang sebenarnya bertanggungjawab dalam memberikan legitimasi pemerintahan beraja daripada perspektif agama Islam. Alim ulama zaman silam amat berjasa dalam memberikan bimbingan dan kekuatan kepada raja- raja Melayu bagi melaksanakan ciri-ciri pemerintahan bercorak Islam. Ulama sebagai "Warathatul Anbiyya" dan raja-raja Melayu sebagai "Zillu 'llah fi al-

ard”, saling sokong mendokong, lengkap melengkapkan dan kuat menguatkan di antara satu sama lain.<sup>39</sup>

Jika diperhatikan perkataan “Syeikh” kerap kali digunakan seiring dengan nama seseorang ulama. Perkataan ini sebenarnya adalah menunjukkan kepada orang yang agamawan<sup>40</sup> dan orang alim<sup>41</sup>. Syeikh juga memberikan kata maksud kepada seseorang yang memahami serta menguasai selok belok di dalam bidang agama Islam.<sup>42</sup> Perkataan “Syeikh” ini juga adalah digunakan sebutannya hanya kepada orang yang mempunyai ilmu dan kepakaran di dalam bidang agama Islam sahaja, maka sebutannya adalah pasti digunakan kepada alim ulama.<sup>43</sup>

Penggunaan perkataan “Syeikh” itu sendiri adalah sinonim dan tidak asing lagi bagi masyarakat Islam di negeri Kedah ini kerana, yang telah mengislamkan nenek moyang mereka dahulu adalah orang yang memakai gelaran yang sama iaitu Syeikh Abdullah Yamani dari Hadramaut Yaman. Dan gelaran “Syeikh” itu sangat dihormati oleh masyarakat Islam di negeri Kedah sehinggalah sampai ke hari ini.

Kebiasaannya di negeri Kedah, seseorang yang memakai nama dengan awalnya syeikh, ini memberikan maksud bahawa seseorang itu mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam bidang agama Islam dan alim orangnya. Penggunaan perkataan awalan

---

<sup>39</sup> Muzaffar bin Haji Mohamad, Suzana Haji Othman, (2006), *Ahlul-Bait (Keluarga) Rasulullah S.A.W & Raja-raja Melayu*, c. 2, Kuala Lumpur: Al-Wasilah Enterprise, h. 335.

<sup>40</sup> Hussain bin Unang, (1994), *Kamus at-Tullab-Arab-Melayu*, c. 1, Kuala Lumpur: Darul Fikir, h. 626.

<sup>41</sup> *Ibid* h. 626

<sup>42</sup> Mu'jam asasi, h. 713

<sup>43</sup> Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka, (2005), c. 4, Kuala Lumpur, h. 1559.

“Syeikh” ini kebiasaannya diberikan kepada seseorang yang sudah tamat pengajiannya di Timur Tengah terutamanya daripada Universiti al-Azhar Mesir, kemudiannya telah kembali ke negeri Kedah untuk menabur bakti dengan segala kepakaran ilmu pengetahuan yang ada kepadanya untuk perkembangan serta pembangunan masyarakat Islam di negeri Kedah.<sup>44</sup>

Perkataan “Sejarah” membawa maksud, peristiwa ataupun kisah yang benar-benar berlaku pada waktu yang lampau, dan sejarah juga adalah sebagai satu ilmu, kajian ataupun pengetahuan mengenai peristiwa-peristiwa yang telah lalu.<sup>45</sup>

“Sumbangan” pula dari sudut etimologinya mempunyai beberapa maksud iaitu sesuatu yang diberikan sebagai bantuan (kepada orang ramai), bantuan atau pertolongan yang diberikan antara lain, ianya juga bermaksud sokongan.<sup>46</sup>

### **3- PERUMUSAN MASALAH**

Untuk mengkaji sejauh manakah peranan yang dimainkan oleh Dato’ Syeikh Abdul Halim Haji Othman dalam memberikan sumbangannya terhadap perkembangan Islam di negeri Kedah, tumpuan kajian ini hanya diberikan penumpuan kepada jasanya di negeri Kedah, memandangkan tumpuan kajian yang dijalankan hanya meliputi jasa- jasanya di negeri Kedah ini berhubung dengan sejarah serta sumbangannya yang merangkumi sumbangan dari sudut agama, sosial dan juga politiknya. Penulis dapat merumuskannya kepada beberapa permasalahan, di antaranya:

---

<sup>44</sup> Wan Shamsuddin bin Mohd Yusof. Pakar sejarah negeri Kedah. Temubual pada 4 Februari 2011.

<sup>45</sup> Kamus Dewan(2005), Edisi Keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 1411.

<sup>46</sup> Kamus Dewan(1994), Edisi Ketiga, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 1318.



- a) Apakah sumbangan yang telah diberikan oleh Dato' Syeikh Abdul Halim Haji Othman untuk perkembangan Islam di Negeri Kedah?
- b) Bagaimanakah bentuk sumbangan yang telah diberikan oleh tokoh kepada perkembangan pendidikan Islam samada secara formal ataupun tidak formal?
- c) Apakah bentuk sumbangan dan jasa beliau dalam perkembangan pentadbiran agama Islam di Kedah?
- d) Adakah hasil daripada karya dan juga penulisan beliau dapat mempengaruhi kehidupan masyarakat Islam di Kedah?
- e) Bagaimanakah wawasan pemikiran beliau untuk kelangsungan dakwah Islam dapat diterjemahkan?

#### **4- SKOP DAN BATASAN KAJIAN**

Penyelidikan ini mempunyai skop dan batasan tertentu, antaranya:

- a) Penyelidikan ini dibuat khusus mengenai Dato' Syeikh Abdul Halim Hj Othman. Walaubagaimanapun akan terdapat beberapa perkara yang disebut dalam disertasi ini, namun ianya mempunyai kaitan dengan tokoh dan perjalanan hidupnya.

- b) Penyelidikan ini adalah khusus mengenai sumbangan tokoh dalam perkembangan Islam di Kedah sepanjang penglibatan tokoh dalam dunia pendidikan di Maktab Mahmud, pengerusi fatwa negeri Kedah dan juga keaktifan beliau dalam dunia penulisan.
- c) Penyelidikan ini hanya tertumpu di negeri Kedah sahaja.

## 5- ALASAN MEMILIH TAJUK

Penulis ingin meneliti, juga mengkaji dan mendalami sejarah perjalanan hidup serta bentuk sumbangan yang telah diberikan oleh Dato' Syeikh Abdul Halim bin Haji Othman di sepanjang hidupnya terhadap perkembangan Islam di Kedah kerana beberapa sebab antaranya ialah:

- a) Mencari jawapan dalam tajuk di atas yang belum pernah diteliti dan dikaji oleh sesiapa sebelum ini secara menyeluruh. Walaupun terdapat di kalangan penulis lain yang pernah menulis mengenai sejarah hidup Dato' Syeikh Abdul Halim bin Haji Othman seperti "Tokoh Biografi 11 Guru Kedah Darulaman",<sup>47</sup> dan juga oleh "Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia Kedah Darul Aman"<sup>48</sup> dalam Buletin Warisan,<sup>49</sup> namun penulisan mereka amat ringkas dan terbatas. Oleh kerana itulah

---

<sup>47</sup> Sebuah buku yang menceritakan tentang tokoh-tokoh guru yang banyak menyumbangkan idea terhadap pembangunan profesion perguruan di Kedah.

<sup>48</sup> Merupakan persatuan yang dianggotai oleh pesara-pesara kerajaan yang pernah berkhidmat di negeri Kedah.

<sup>49</sup> Buletin Warisan adalah majalah yang diterbitkan oleh Persatuan-persatuan Pesara Kerajaan negeri Kedah. Buletin Warisan ini diterbitkan secara berkala dan memuatkan berita aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan.

penulis merasakan perlu dibuat satu penelitian yang mendalam dan menyeluruh terhadap beliau untuk mengangkat tokoh ini sebagai salah seorang “Tokoh Ulama Negeri Kedah” yang berwibawa terhadap segala sumbangan dakwah Islamnya di negeri Kedah .

- b) Kajian ini khusus dan bersesuaian dengan bidang pengajian yang penulis pelajari iaitu Sejarah dan Tamadun Islam.
- c) Perkara asas dan pokok kajian dalam tajuk di atas ini, dapat dilaksanakan dan dilakukan kerana terdapat buku-buku hasil tulisan beliau dan catatan mengenai riwayat hidupnya yang tersimpan di perpustakaan Awam Negeri Kedah, di perpustakaan Muzium Negeri Kedah dan Arkib Negara Malaysia Cawangan Kedah. Begitu juga masih terdapat ahli waris keluarga terdekat seperti anaknya Tun Syeikh Ahmad Fairuz,<sup>50</sup> anak murid beliau yang masih hidup serta sedang menabur bakti mereka kepada kerajaan negeri Kedah hasil pendidikan yang mereka terima daripada Dato’ Syeikh Abdul Halim bin Haji Othman seperti Tan Sri Khalid Abdullah,<sup>51</sup> yang merupakan sumber maklumat utama yang boleh penulis dapatkan

---

<sup>50</sup> Beliau adalah merupakan anak kepada Dato’ Syeikh Abdul Halim dan bekas Ketua Hakim Negara.

<sup>51</sup> Tan Sri Dato' Haji Khalid bin Abdullah dilahirkan pada 5 November 1922 di Seberang Perak Alor Setar, Kedah. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Seberang Perak, Alor Setar, Kedah dan Sekolah Sungai Korok, Alor Setar, Kedah. Pada tahun 1934, beliau menyambung pelajarannya di Maktab Mahmud, Alor Setar Kedah. Beliau adalah Pengarah dan Pengerusi Julong Sdn. Bhd (1987 -1995), Pengarah Jawatankuasa Audit, Pemas International Holdings Berhad sejak (1982), Pengerusi Eksekutif Utusan Melayu(M) Bhd, Menganggotai Parti SABERKAS (1948), Pengerusi Tetap UMNO Bahagian Kedah Utara, Bendahari Perhubungan UMNO Negeri Kedah, Nazir Amanah UMNO Negeri Kedah (1956), Timbalan Ketua UMNO Alor Setar pada tahun (1962), Ketua UMNO Bahagian dan Timbalan Ketua Perhubungan UMNO Negeri Kedah ( 1969), Senator dan ADUN kawasan Alor Merah (1975-1980), Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah (1982), Ahli Majlis Tertinggi UMNO (1985 / 1990). Beliau juga adalah bekas anak murid Dato’ Syeikh Abdul Halim yang pernah belajar di pondok Limbong Kapal dan Maktab Mahmud.

untuk kajian ini, Dato' Paduka Haji Abdul Majid Mohd. Noor,<sup>52</sup> Dato' Syekh Ghazali bin Yaakob<sup>53</sup> dan Dato' Dr Ismail Ibrahim<sup>54</sup> serta ramai lagi. Dengan adanya sumber maklumat yang dapat membantu, maka penulis merasakan dapat menyiapkan disertasi kajian ini dalam lingkungan kemampuan penulis sendiri.

d) Ramainya tokoh-tokoh ulama yang telah menabur jasa bakti dan sumbangannya kepada agama dan negara dilupai oleh masyarakat terutamanya generasi hari ini. Dengan itu kajian serta disertasi ini diharap dapat memberi pendedahan kepada masyarakat agar jasa mereka dikenang dan diteladani.

---

<sup>52</sup> Dato' Paduka Syekh Abd. Majid bin Mohd. Noor dilahirkan pada 12 Februari 1924 di Kampung Seberang Pantai Johor, Alor Setar, Kedah. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Alor Merah, Alor Setar pada tahun 1930 selama tiga tahun. Kemudian, beliau meneruskan persekolahan di Sekolah Rendah Suka Menanti pada tahun 1935 dan seterusnya di Maktab Mahmud Alor Setar Kedah selama lapan tahun. Beliau kemudiannya melanjutkan pengajiannya di Universiti al-Azhar, Mesir dan mendapat Ijazah B.A. di sana. Pada tahun 1955, beliau melanjutkan pengajiannya di Institusi Ain al-Syam dalam bidang perguruan. Beliau adalah mufti yang pertama negeri Kedah. Beliau juga merupakan anak murid Dato' Syekh Abdul Halim. Beliau juga adalah orang yang terlibat menguruskan Jabatan Pengajian Tinggi al-Qismu al-Aliyy.

<sup>53</sup> Beliau merupakan salah seorang anak murid Dato' Syekh Abdul Halim, dan beliau juga diantara bekas pelajar yang sempat menimba ilmu melalui Jabatan Pengajian Tinggi al-Qismu al-Aliyy. Beliau kini sedang menabur bakti keilmuannya dalam pembangunan Islam di negeri Kedah sebagai Setiausaha Zakat negeri Kedah.

<sup>54</sup> Datuk Dr. Ismail Ibrahim dilahirkan di Kampung Sidam, Kuala Muda Kedah pada tahun 1939 dan kini berusia 64 tahun. Beliau menerima pendidikan awal di Sekolah Maktab Mahmud Alor Setar, Kedah. Beliau berkelulusan pengajian agama dari Kolej Islam Malaya. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana dalam bahasa Arab dari Universiti al-Azhar, Mesir pada tahun 1967 dan mendapat Ph.D dari Universiti St. Andrew, Scotland. Beliau merupakan salah seorang pelajar pertama yang menerima biasiswa Kerajaan Persekutuan untuk melanjutkan pelajaran ke Universiti al-Azhar pada tahun 1962. Beliau juga merupakan anak murid Dato' Syekh Abdul Halim.

## **6- TUJUAN DAN KEPENTINGAN PENYELIDIKAN**

### **6.1 Tujuan Penyelidikan**

Dilakukan kajian serta penelitian ini, selain daripada memenuhi syarat bagi mendapat Ijazah Sarjana Usuluddin dari Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, ianya juga bertujuan untuk menyingkap perkara-perkara berikut:

- a) Menganalisis dan mendokumentasikan biografi Dato' Syeikh Abdul Halim bin Haji Othman.
- b) Mengkaji dan menjelaskan bentuk sumbangan dan jasa bakti yang telah diberikan oleh tokoh kepada pendidikan, pentadbiran, politik dan persuratan Islam di negeri Kedah.
- c) Kajian ini bertujuan membincangkan sejarah perkembangan Islam di negeri Kedah yang berkaitan dengan pentadbiran agama, pendidikan Islam, penulisan dan juga kesusasteraan.
- d) Untuk menganalisis idea-idea dan juga wawasan pemikiran beliau melalui aspek penulisannya.

## **6.2 Kepentingan Penyelidikan**

Pentingnya penyelidikan ini adalah kerana:

- a) Sebagai bahan maklumat kepada masyarakat yang mendambakan ilmu pengetahuan.
- b) Sebagai bahan maklumat bermanfaat kepada Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya tentang Dato' Syeikh Abdul Halim bin Haji Othman dan sumbangannya kepada perkembangan Islam di negeri Kedah.
- c) Sebagai khazanah penulisan penulis dalam khazanah ilmu pengetahuan khususnya dengan apa yang telah dikaji dan dibuat penelitian.
- d) Untuk mencambahkan wawasan berfikir kepada penulis, serta sebagai latihan dalam menjalani penyelidikan ilmiah berhubung dengan perkara yang dikaji.

## **7- METODOLOGI PENYELIDIKAN**

Untuk mendapatkan jawapan terhadap sesuatu kajian lebih- lebih lagi dalam penyelidikan ilmiah, metodologi memainkan peranan yang utama dan merupakan teknik terpenting bagi mendapatkan jawapan, data dan fakta secara sistematik dan kolektif. Apabila sesuatu kajian itu menggunakan metodologi yang tepat dan sesuai, maka terhasillah sebuah penelitian yang berkualiti. Sebelum penulis mengenengahkan metod-

metod yang digunakan di dalam penyelidikan ini, terlebih dahulu perlu diketahui apakah yang dimaksudkan dengan metodologi penyelidikan?

Perkataan metod membawa erti cara, kaedah atau sistem untuk melakukan sesuatu.<sup>55</sup> Metodologi pula memberi pengertian sebagai berkenaan sesuatu sistem meliputi kaedah atau prinsip digunakan dalam sesuatu ilmu dan disiplin ilmu<sup>56</sup>. Dalam bahasa Inggeris ianya disebut sebagai “method”. Ianya bermaksud cara, kaedah, prosedur membuat sesuatu.<sup>57</sup> Begitu juga dengan perkataan “Methodology” dalam bahasa Inggeris membawa maksud satu kaedah yang digunakan dalam sesuatu bidang<sup>58</sup>. Maka dengan demikian metod ialah cara atau jalan untuk melakukan sesuatu.

Perkataan “penyelidikan” pula yang dalam bahasa Inggerisnya disebut sebagai *research* ialah suatu proses yang sistematik, melibatkan proses merancang kaedah penyelidikan, mengumpul data, menghuraikan data dan melaporkan maklumat untuk mencari penyelesaian terhadap sesuatu masalah dan persoalan. Pengertian ini telah dijelaskan oleh Dr Chua Yan Piaw dalam tulisannya *Kaedah Penyelidikan*<sup>59</sup>. Dengan demikian dalam bidang penyelidikan ilmiah metodologi, objek yang bersangkutan berdasarkan ilmu yang disasarkan akan dapat difahami.<sup>60</sup>

---

<sup>55</sup> Kamus Za’ba Pustaka Antara Books Sdn.Bhd (2004), edisi ke-2, h.762.

<sup>56</sup> *Ibid.*

<sup>57</sup> Joyce M.Hawkins, (2006), *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar Melayu Inggeris-Inggeris Melayu*, edisi ke-4, h. 255.

<sup>58</sup> *Ibid.*

<sup>59</sup> Chua Yan Piaw (2006), *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan, Buku 1, Kaedah Penyelidikan*, McGraw-Hill Malaysia Sdn.Bhd, h. 4.

<sup>60</sup> Koentjaraningrat (1983), *Metode-metode Penelitian*, Jakarta: P T Gramedia, h. 7.

Apabila penulis telah memberikan pengertian tentang metod penyelidikan, secara umumnya penulis telah menggunakan dua jenis metod iaitu metod pengumpulan data dan juga metod menganalisa data dalam penyelidikan ini.

## **7.1 Metod Pengumpulan Data**

Berdasarkan kajian ini, penulis telah mengumpul segala data dan telah menganalisanya, kemudian data tadi diproses serta disusun untuk dijadikan satu laporan lengkap dalam bentuk disertasi sarjana. Ini sangat penting kerana penelitian membawa erti usaha- usaha yang dilakukan dengan cara serta penafsiran terhadap data yang terkumpul.<sup>61</sup> Dalam usaha mengumpulkan data yang diperlukan penulis telah menggabungkan beberapa metod dengan membuat dua bentuk penyelidikan utama (Library Research) iaitu Penyelidikan Perpustakaan dan juga (Field Research) iaitu Penyelidikan Lapangan.

### **7.1.1 Penyelidikan Perpustakaan.**

Penyelidikan dan kajian ini banyak bergantung kepada perpustakaan kerana ianya berkaitan dengan sejarah perkembangan Islam di Kedah, sejarah hidup tokoh yang dikaji dan hasil peninggalan beliau. Penulis membuat kajian terhadap asas-asas penyelidikan di perpustakaan dan koleksi simpanan individu untuk memperolehi data- data yang diperlukan. Data- data dan maklumat tersebut didapati oleh penulis dengan mengkaji dan

---

<sup>61</sup> Abdul Halim bin Haji Mat Diah (1986), “Falsafah Pendidikan Islam di Institut Pengajian Tinggi di Malaysia”, (Disertasi Ph.D., IAIN Sunan Kalijogo, Yogyakarta), h. 111.



membaca bahan-bahan rujukan seperti buku- buku, jurnal sejarah, majalah dan warta kerajaan serta karya penulisan hasil peninggalan tokoh.

Mengikuti pandangan yang dilontarkan oleh Sartono Kartodirjo, sebahagian besar data yang telah tersedia adalah dalam bentuk verbal seperti yang terdapat dalam surat-surat, catatan harian (*journal*), kenang- kenangan (*memoirs*), laporan- laporan dan sebagainya, dan kumpulan data verbal yang berbentuk tulisan ini disebut sebagai dokumen.<sup>62</sup>

Bahan-bahan tersebut penulis dapatkannya dengan cara menggunakan perkhidmatan perpustakaan yang ada di negeri Kedah seperti Perpustakaan Awam negeri Kedah, Perpustakaan Muzium negeri Kedah, Perpustakaan Pejabat Mufti negeri Kedah, Perpustakaan Maktab Mahmud Alor Setar Kedah, Perpustakaan Arkib Negara cawangan Kedah dan juga perpustakaan individu Dato' Harun Hashim.<sup>63</sup>

### **7.1.2 Penyelidikan Lapangan.**

Penyelidikan lapangan juga digunakan oleh penulis selain daripada penyelidikan perpustakaan bagi melengkapi kajian ilmiah ini dengan tujuan membuat penyelidikan secara langsung dengan mendatangi *informen* ataupun tentang objek yang menjadi sasaran kajian untuk diteliti dan dikaji, seterusnya dibuat rumusan serta kesimpulan. Ianya juga

---

<sup>62</sup>Sartono Kartodirjo (1983) "*Metode Penggunaan Bahan Dokumen, dalam Metode- metode Penelitian Masyarakat*", Jakarta: P T Gramedia, h. 46.

<sup>63</sup> Beliau pada mulanya belajar di Sekolah Maktab Mahmud selama setahun, kemudian beliau berhijrah ke Kolej Sultan Abdul Hamid. Beliau adalah anak murid kepada Dato' Syekh Abdul Halim. Kini beliau memegang jawatan sebagai Pengerusi Persatuan Pesara-pesara Kerajaan Malaysia Kedah.

termasuklah pengalaman seorang peneliti dengan membuat perbandingan secara langsung. Dalam konteks ini penulis mestilah mendatangi tempat kajian untuk pengamatan secara langsung dengan lebih jelas mengenai objek penelitian.<sup>64</sup>

Selain daripada penulis menggunakan dua jenis metod di atas iaitu metod penyelidikan dan juga metod lapangan, penulis telah menggunakan beberapa metod penting lain untuk mengumpulkan data dan untuk mendapatkan informasi yang diperlukan di dalam kajian ini, iaitu:

## **7.2 Metod Dokumentasi.**

Metod dokumentasi adalah proses pengumpulan data dengan melakukan kajian dan pembacaan terhadap dokumen- dokumen yang ada hubungannya dengan masalah- masalah yang diteliti.<sup>65</sup> Dokumen beerti setiap proses pembuktian yang didasarkan atas jenis sumber apapun, baik yang bersifat tulisan, lisan, gambaran ataupun arkeologi.<sup>66</sup>

Dalam penelitian penulis, penulis menggunakan metod ini terhadap dokumen- dokumen yang berhubungkait dengan objek yang dikaji bagi mendapatkan data- data dalam hampir semua bab. Selain daripada mentelaah buku- buku, majalah, jurnal, akhbar dan karya- karya tulisan tokoh, pengumpulan dokumen juga mengambil kira kesahan dan keboleh percayaan dokumen yang dikaji. Sungguhpun begitu daripada dokumen- dokumen

---

<sup>64</sup> Abdul Halim bin Haji Mat Diah (1987), *Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi*, Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin, Universiti Malaya, h. 29.

<sup>65</sup> Charles Issawi (1962), *Filsafat Islam Tentang Sejarah*, Ter : Dr. Ali Mukti, Jakarta: Tinta Mas, h. 36.

<sup>66</sup> Louis Gottschalk (1975), *Understanding History: A Primer Of Historical Method*, Nugroho Notosusanto(terj), T,T.P: Yayasan Penerbitan Universitas Indonesia, h. 38.

yang diperolehi itu, kemudian ianya diolah dan dibuat perbandingan serta seterusnya dibuat kesimpulan.

### 7.3 Metod Interview (wawancara atau temubual).

Koentjaraningrat dalam tulisannya yang bertajuk *metode wawancara*, menjelaskan bahawa metod ini mencakupi cara yang digunakan oleh seseorang bertujuan suatu tugas tertentu, cuba untuk mendapatkan keterangan atau pendirian secara lisan daripada seorang responden.<sup>67</sup>

Demi untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian ini, penulis telah melakukan temubual dengan informen yang dapat memberikan maklumat yang diperlukan, antara mereka ialah, Tan Sri Khalid bin Haji Abdullah,<sup>68</sup> Dato' Paduka Syeikh Abdul Majid bin Md. Noor,<sup>69</sup> Dato' Syeikh Ghazali bin Hj Yaakob<sup>70</sup> dan Dato' Harun bin

---

<sup>67</sup> Koentjaraningrat (1983), *Metode-metode Penelitian*, Jakarta: P T Gramedia, h. 129.

<sup>68</sup> Tan Sri Khalid bin Abdullah adalah merupakan anak murid tua Dato' Syeikh Abdul Halim bin Haji Othman. Beliau juga merupakan salah seorang bekas pelajar yang sempat belajar di pondok al-Hamidiyyah Limbong Kapal (1930-1934) dan juga beliau merupakan bekas pelajar Maktab Mahmud Alor Setar Kedah (1934-1940). Beliau merupakan pengarah dan pengerusi Julong Sdn. Bhd (1987 -1995), Pengarah Jawatankuasa Audit, Pernas International Holdings Berhad sejak (1982), Pengerusi Eksekutif Utusan Melayu (M) Bhd (1980-1990), Menganggotai Parti SABERKAS (1948), Senator dan ADUN kawasan Alor Merah (1975-1980), Ahli Majlis Tertinggi UMNO (1985-1990), Pengerusi Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah (1983), Pengerusi Dewan Perniagaan Melayu dan Perusahaan Negeri Kedah (1977- 1995). Beliau dilahirkan pada tahun 1922 dan masih hidup, sehingga kini umur beliau sudah hampir 89 tahun.

<sup>69</sup> Dato' Paduka Syeikh Abd. Majid bin Mohd. Noor adalah merupakan anak murid Dato' Syeikh Abdul Halim bin Haji Othman. Dilahirkan pada 12 Februari 1924 di Kampung Seberang Pantai Johor, Alor Setar, Kedah. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Alor Merah, Alor Setar pada tahun 1930 selama tiga tahun. Kemudian, beliau meneruskan persekolahan di Sekolah Rendah Suka Menanti pada tahun 1935 dan seterusnya di Maktab Mahmud Alor Setar selama lapan tahun. Beliau kemudiannya melanjutkan pengajiannya di Universiti al-Azhar, Mesir dan mendapat Ijazah B.A.. Pada tahun 1955, beliau melanjutkan pengajiannya di Institusi Ain al-Syam dalam bidang perguruan. Beliau adalah bekas guru bahasa Arab, Maktab Mahmud (1945-1965), Pemangku Pengetua Maktab Mahmud (1961), Pengetua Maktab Mahmud (1965), Pendaftar Sekolah-sekolah Agama, Majlis Hal Ehwal Agama Islam (1969), Penasihat Lembaga Urusan dan Tabung Haji (1980), Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji, Tabung Haji, Pengerusi Lembaga Maktab Mahmud, Ahli Lembaga Amanah Yayasan Ekonomi Islam Malaysia (YAPIM), Hakim

Hasyim.<sup>71</sup> Mereka ini dijadikan sebagai informen pangkal dalam mencari maklumat dan data- data mengenai kajian ini.

#### 7.4 **Metod Analisa Data.**

Apabila data- data telah dikumpulkan, penulis telah menggunakan beberapa metod atau pola berfikir untuk menganalisa data- data tersebut. Di antara metod yang telah digunakan oleh penulis ialah metod induktif, metod deduktif dan metod komparatif.

##### 7.4.1 **Metod Induktif**

Perkataan induktif berasal daripada bahasa latin, *Inducere* bermaksud”membawa atau menuju kepada” pemikiran induktif biasanya menuju daripada pernyataan khusus

---

pertandingan tilawah al-Quran peringkat negeri dan kebangsaan, Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah dan merupakan mufti yang pertama negeri Kedah, Yang DiPertua Majlis Hal Ehwal Agama Islam Kedah, Ahli Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah, Pengerusi Jawatankuasa Syariah Kedah, Yang DiPertua Persatuan Ulama Kedah (1980-1984), Timbalan Pengerusi Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Kedah (1980-1984), Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Kedah (1979-1986). Beliau juga sangat aktif di dalam aktiviti penulisan, di antara hasil karya beliau ialah Risalah Sembahyang Terawih dan Sembahyang Musafir, Jamak dan Qasar. Beliau juga menyusun kurikulum Sekolah-sekolah Rendah di Kedah. Dato' Paduka Syeikh Abdul Majid bukan sahaja dikenali sebagai tokoh dalam bidang agama tetapi juga tokoh pendidik yang disegani, seorang yang warak dan lemah lembut tetapi tegas dalam soal berkaitan agama. Beliau terlibat secara langsung penubuhan al-Qismu al-Aliyy ataupun Jabatan Pengajian Tinggi di Maktab Mahmud Alor Setar Kedah.

<sup>70</sup> Dato' Syeikh Ghazali bin Yaacob juga merupakan anak murid Dato' Syeikh Abdul Halim bin Haji Othman. Memasuki Maktab Mahmud pada tahun 1950 bermula dengan darjah 1 ibtidai. Tamat pengajiannya di Maktab Mahmud pada tahun 1957 darjah 8. Salah seorang bekas pelajar Maktab Mahmud yang terlibat dengan program Jabatan Pengajian Tinggi al-Qismu al-Aliyy. Beliau kini masih lagi menabur jasa sebagai Setiausaha Jabatan Zakat Negeri Kedah Darul Aman.

<sup>71</sup> Beliau merupakan bekas pelajar Maktab Mahmud Alor Setar pada tahun 1958 selama setahun, kemudiannya beliau berpindah ke Kolej Sultan Abdul Hamid. Beliau sempat berguru dengan Dato' Syeikh Abdul Halim bin Othman. Beliau merupakan bekas pengetua dan guru besar, dan juga merupakan bekas pengarah pelajaran negeri Kedah. Kini beliau memegang jawatan sebagai Pengerusi Pesara-Pesara Kerajaan Malaysia Kedah.

kepada pernyataan umum.<sup>72</sup> Mengikuti Prof. Imam Bernadib dalam bukunya *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*, metod adalah pola berfikir yang mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil yang umum.<sup>73</sup>

#### **7.4.2 Metod Deduktif.**

Metod Deduktif juga adalah berasal daripada bahasa Latin, *Deducere* yang membawa erti” membawa atau menuju daripada”. Hujah deduktif biasanya menuju daripada pernyataan umum kepada pernyataan khusus.<sup>74</sup> Metod deduktif adalah pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berpijak pada dalil umum terhadap hal-hal khusus.<sup>75</sup>

Penulis menggunakan kedua-dua metod ini dalam kajian ini bertujuan untuk mencari jawapan kepada beberapa persoalan dan kaitan antara data-data yang terkumpul.

#### **7.4.3 Metod Komparatif.**

Komparatif di dalam bahasa Inggerisnya memberi erti sebagai perbandingan<sup>76</sup>. Di dalam Kamus Dewan pula, perbandingan bermaksud imbalan ataupun persamaan<sup>77</sup>. Iaitu membuat perbandingan di antara satu data dengan yang lain untuk menghasilkan satu

---

<sup>72</sup> Mohd Michael Abdullah (1995), *Pemikiran Kritis*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, h. 103.

<sup>73</sup> Imam Bernadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*, Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP-IKIP, h. 52-53

<sup>74</sup> Mohd Michael Abdullah(1995), op. cit.

<sup>75</sup> Imam Bernadib (1982), op. cit.

<sup>76</sup> Joyce M. Hawkins (2006), Kamus Dwibahasa Oxford Fajar: Inggeris-Melayu-Melayu-Inggeris, c. 4, h. 76.

<sup>77</sup> Kamus Dewan (2005), Edisi Keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 120.

kesimpulan yang seimbang dan jelas. Secara jelasnya, metod ini digunakan untuk membuat kesimpulan berdasarkan perbandingan antara data dan fakta yang diperolehi.

Penulis menggunakan metod ini untuk mencari dan untuk mendapatkan kemunasabahan dan logik mengenai maklumat yang telah diperolehi daripada informen dan responden agar data- data yang dilaporkan itu menjadi suatu yang valid dan boleh dipercayai.

Sebagai contohnya adalah, data yang terdapat didalam buku-buku, majalah-majalah ataupun maklumat-maklumat di dalam buletin akan dibandingkan kesahan faktanya berdasarkan hasil maklumat primer melalui temubual atau sebagainya.

## **8. Sistemika Penulisan.**

Secara umumnya penulisan ini disusun secara sistematik mengikut susunan disertasi yang telah digariskan oleh peraturan penulisan disertasi ijazah tinggi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya 2006.<sup>78</sup> Penulis telah membahagikan disertasi ini kepada tiga bahagian iaitu: (1) Pendahuluan atau Preliminari, (2) Teks, (3) Tambahan atau Supplementari. Setiap bahagian mengandungi beberapa pecahan kecil yang akan diterangkan di bawah ini.

---

<sup>78</sup> Idris Awang (et.al) (2006), *Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam*, Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 5-13

## **Bahagian Pertama : Pendahuluan**

Ia mengandungi perkara berikut :

Halaman Judul, Abstrak, Penghargaan, Isi Kandungan Disertasi, Senarai Lampiran, Senarai Kependekan atau Tatanama dan Panduan Transliterasi.

## **Bahagian Kedua : Teks**

Bahagian Teks Disertasi ini dibahagikan kepada beberapa pecahan kecil, setiap pecahan itu dinamakan bab. Disertasi ini mengandungi lima bab ke semuanya. Di bawah ini dihuraikan secara ringkas isi kandungan dalam bab- bab tersebut.

*Bab Pertama* : Ianya merupakan pendahuluan, di mana penulis telah memasukkan dalam bab ini latar belakang masalah yang merangkumi pengenalan ringkas mengenai tempat yang dijadikan subjek untuk kajian. Di sini, penulis telah menyentuh secara ringkas mengenai sejarah negeri Kedah dan perkembangannya. Dalam bab ini juga penulis telah menghuraikan alasan penulis memilih tajuk, pengertian tajuk, perumusan masalah, skop dan batasan kajian, tujuan dan kepentingan penyelidikan, serta metodologi penyelidikan dan sistematika penulisan.

*Bab Kedua*: Bab ini, penulis telah menceritakan perkembangan Islam di Kedah. Penulis bermula dengan perbincangan dan menyentuh sejarah kedatangan Islam di Kedah

dengan perkembangannya yang mencakupi aspek pendidikan, pentadbiran, penerbitan dan juga penulisan di Kedah.

*Bab Ketiga* : Dalam bab ketiga pula penulis telah menghuraikan mengenai Dato' Syeikh Abdul Halim bin Haji Othman meliputi sejarah hidup tokoh, salasilah keluarganya, sifat- sifat keperibadian dan kewibawaannya, pendidikannya di tanah air dan juga di Mesir, bidang yang diceburi seusai pulang dari perantauan, anugerah dan kurniaan yang diterima serta peristiwa kematian almarhum.

*Bab Keempat* : Dalam bab keempat, ianya adalah merupakan laporan kajian dan analisis data yang didapati. Dalam bab ini juga penulis telah membicarakan sumbangan tokoh iaitu Dato' Syeikh Abdul Halim bin Haji Othman dalam: 1) pendidikan Islam di negeri Kedah, 2) pentadbiran Islam di negeri Kedah, 3) penulisan dan 4) politik.

*Bab Kelima* : Adalah merupakan bab penutup yang merangkumi rumusan umum dan juga khusus, saranan, cadangan dan kata penutup daripada penulis.

### **Bahagian Ketiga : Lampiran/Suplementari**

Bahagian terakhir disertasi ini penulis memuatkan beberapa instrumen penyelidikan yang telah dibuat oleh penulis dalam rangka untuk menyiapkan kajian ilmiah ini, antaranya peta lokasi dan gambar- gambar yang berkaitan. Dalam bahagian ini juga penulis telah



meletakkan senarai rujukan yang telah digunakan untuk menyiapkan rangka akhir penulisan disertasi ini dalam ruangan bibliografi.